

09 MAR 1999

Sabah-BN (Analisis)

BN BERPELUANG CERAH UNTUK KEKAL MENERAJUI PEMERINTAHAN DI SABAH

KOTA KINABALU, 9 Mac (Bernama) -- Dengan hanya tinggal tiga hari sebelum pengundian, Barisan Nasional nampaknya terus mendahului parti-parti utama lain dalam persaingan merebut 48 kerusi Dewan Undangan Negeri pada pilihan raya Sabah kali kesembilan hujung minggu ini.

Para penganalisis rata-rata yakin BN mampu menang di sekurang-kurangnya 35 kerusi, sekaligus membolehkannya kekal menerajui pemerintahan di negeri ini dalam keadaan yang mantap buat dua penggal berturut-turut.

BN kehilangan kuasa selepas Parti Bersatu Sabah pimpinan Datuk Joseph Pairin Kitingan bertindak keluar daripada gagasan itu dan memenangi pilihan raya negeri tahun 1990. Bagaimanapun BN kembali berkuasa selepas pilihan raya negeri 1994.

Menurut penganalisis, walaupun PBS dan sebuah lagi parti politik utama yang bertanding pada kali ini iaitu Bersekutu belum berputus asa, BN mempunyai harapan cerah untuk menang di Banggi, Bengkoka, Kudat, Tempasuk, Usukan, Sulaman, Kiulu, Inanam, Api-Api, Sembulan, Moyog, Petagas, Kawang, Pantai Manis, Bongawan, Lumadan, Kuala Penyu, Likas, Klias, Sindumin, Sugut, Labuk, Sungai Sibuga, Sekong, Elopura, Karamunting, Sukau, Kunak, Lahad Datu, Sulabayan, Senallang, Balung, Merotai, Kalabakan dan Sri Tanjung.

Keyakinan itu bersandarkan kepada beberapa faktor termasuk ketokohan dan karisme calon yang diketengahkan oleh BN, kemantapan manifestonya serta prestasi masa lalunya dalam memberikan khidmat kepada rakyat dan membangunkan negeri.

BN meletakkan keyakinan tinggi kepada personaliti calonnya termasuk Datu Amir Kahar Tun Mustapha (Banggi), Datuk Chong Kah Kiat (Kudat), Datuk Salleh Said Keruak (Usukan), Datuk Yong Teck Lee (Likas), Tan Sri Bernard Dompok (Moyog), Datuk Osu Sukam (Kawang), Datuk Aklee Abbas (Sukau), Datuk Nasir Tun Sakaran (Senallang) dan Datuk Abdul Ghafur Salleh (Kalabakan).

Menurut penganalisis, BN juga telah berjaya membentangkan satu manifesto yang cukup berkesan, mengandungi ikrar untuk terus bersama-sama rakyat Sabah membina masa depan negeri, mengutamakan perpaduan kaum serta mempertahankan keadilan sosial dan kesejahteraan rakyat.

Bercanggah dengan dakwaan parti-parti pembangkang, rakyat Sabah kini bukan sahaja telah dapat menerima dengan baik kehadiran pemimpin-pemimpin BN pusat, bahkan rata-rata mahukan kehadiran itu kerana ia membawa bersama teladan dan bimbingan yang baik ke arah cara-cara mewujudkan sebuah masyarakat Sabah yang progresif dan bersatu padu.

Rakyat Sabah juga melihat kehadiran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi di Sabah sejak kebelakangan ini sebagai satu manifestasi kesungguhan dan keikhlasan BN untuk membantu negeri ini keluar daripada cengkaman kemunduran.

PBS dan Bersekutu sama-sama menjadikan isu kehadiran pemimpin dari Semenanjung sebagai bahan kempen yang utama menjelang pilihan raya itu, dengan mendakwa bahawa mereka ke mari semata-mata untuk menjajah negeri ini.

Mereka juga senada dan seirama dalam membangkitkan soal kononnya pemimpin BN negeri hanya boneka yang bergerak mengikut telunjuk pemimpin BN pusat, yang mereka dakwa telah banyak sekali menghakis hak dan kepentingan negeri serta rakyatnya.

Menurut sesetengah pemerhati, rata-rata rakyat Sabah juga kini tidak

dapat menerima lagi corak berkempen yang dijalankan oleh PBS dan Bersekutu yang lebih banyak mengeksploitasi keperibadian calon serta sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri yang diperkenalkan oleh BN, yang kononnya membantut kesinambungan pembangunan negeri dan mendedahkan pentadbiran kerajaan kepada amalan rasuah atau kronisme.

Rakyat juga mula akur bahawa sebagai sebuah parti pembangkang, PBS telah gagal membawa pembangunan dan kesejahteraan kepada negeri dan rakyat Sabah sepanjang memerintah negeri ini antara 1985 dan 1994.

PBS khususnya terus-terusan mengeksploitasi soal keperibadian sesetengah calon yang dikemukakan oleh BN, termasuk mereka yang meninggalkan parti itu sehingga kerajaan PBS tumbang selepas pilihan raya 1994.

Menurut penganalisis, di sebalik keyakinan itu, BN harus akur dengan hakikat bahawa ia terpaksa melipatgandakan usaha di beberapa kawasan yang majoriti pengundinya kaum Kadazandusun dan secara tradisinya kubu kuat Huoguan Siou (pemimpin agung) mereka Pairin sendiri, atau kawasan-kawasan yang mengandungi pengundi campuran dengan penduduk kaum Kadazandusun melebihi kaum-kaum lain.

Ia termasuk Kundasang, Ranau, Tambunan, Bingkor, Pensiangan, Melalap, Kemabong, Matunggong dan Kadamaian.

Selain kawasan-kawasan itu, beberapa pemimpin PBS sebelum ini mendakwa ia boleh menang di Bengkoka, Matunggong, Tandek, Tempasuk, Tamparuli, Kiulu, Inanam, Sembulan, Moyog, Kawang, Pantai Manis, Klias, Tanjung Papat, Karamunting, Kuamut dan Sri Tanjung.

Penganalisis juga berpendapat, BN tidak harus mengambil ringan cabaran Bersekutu, terutama di kawasan-kawasan yang majoriti pengundinya Bumiputera Islam, termasuk di Likas yang ditandingi Harris sendiri, walaupun kebanyakan pemerhati melihat janji-janji yang dibuat oleh parti itu menerusi manifestonya agak sukar diterima rakyat.

Harris sebelum ini mendakwa, selain Likas, partinya juga mampu menang di Banggi, Kudat, Bengkoka, Tamparuli, Sulaman, Inanam, Api-Api, Sembulan, Pantai Manis, Tanjung Papat, Lahad Datu, Sulabayan, Balung, Merotai dan Sri Tanjung.

Menurut pemerhati di antara faktor yang perlu dititik beratkan oleh BN ialah ketokohan calon-calon PBS dan Bersekutu itu sendiri.

Selain Pairin, PBS juga mengemukakan calon-calon yang agak berpengaruh di kalangan pengundi seperti Dr Yee Moh Chai (Api-Api), Datuk Jeffrey Kitingan (Bingkor), Dr Maximus Ongkili (Tandek) dan Datuk Ariaiah Tengku Ahmad (Kawang).

Bagi Bersekutu, selain Harris, turut disenaraikan sebagai calonnya ialah Datuk Monggoh Orow (Tamparuli), Dr Tan Kok Sui (Sembulan), John Khoo Cheo Ping (Tanjung Papat), Abdillah Abdul Hamid (Lahad Datu) dan Datuk Askalani Abdul Rahim (Sulabayan).

Namun begitu, kebanyakan penganalisis dan pemerhati lebih cenderung untuk merumuskan bahawa berasaskan penerimaan meluas rakyat terhadap BN sejak kebelakangan ini, bentuk keputusan pilihan raya kali ini tidak terlalu sukar untuk diramalkan, iaitu kelebihan berpihak kepada BN.

Selain BN, PBS dan Bersekutu, turut bertanding pada pilihan raya kali ini ialah Setia, Pasok dan PAS dan 27 calon bebas. Bagaimanapun, kebanyakan pemerhati berkata mereka tidak mungkin menang.

Apa jua ramalan dan andaian pemimpin parti dan penganalisis, keputusan pada pengundian Jumaat dan Sabtu ini terletak sepenuhnya di tangan 726,690 pengundi.

-- BERNAMA
AM MAI